

Laporan penuh kajian SAR sudah diserahkan kepada kerajaan

UM 11/10/03
PULAU PINANG 10 Okt. — Jawatankuasa Khas Mengkaji Pendidikan Islam di negara ini telah menyerahkan laporan penuh kajian mengenai Sekolah Agama Rakyat (SAR) kepada kerajaan, kata Pengerusinya, Tan Sri Murad Mohd. Noor.

Beliau yang enggan mengulas hasil laporan itu bagaimanapun yakin isu yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak terhadap kedudukan sekolah berkenaan kini sudah selesai.

Utusan Malaysia difahamkan hasil kajian berkenaan amat positif yang antara lain setara dengan kehendak kerajaan yang mahu memperbaiki kualiti pendidikan di SAR.

Menurut beliau, pihaknya pada masa yang sama masih meneliti kaedah untuk memantapkan pendidikan kurikulum agama di sekolah kebangsaan (SK) yang dijangka siap dalam tempoh terdekat.

“Kita telah serahkan laporan kajian lengkap mengenai SAR kepada kerajaan. Yang penting ia bukan lagi isu yang perlu diperkatakan lagi.

“Mengenai usaha memantapkan kurikulum agama di SK, kita masih membincangkannya,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas hasil laporan jawatankuasa berkenaan yang ditubuhkan bagi mengkaji isu pendidikan Islam di negara ini termasuk peranan SAR dan usaha memperkasa SK.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad pada Mac lalu berkata, pihaknya akan memberi dua pilihan untuk SAR memperbaiki kedudukannya iaitu sama ada mendaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 dan terus kekal sebagai institusi pendidikan swasta atau menjadi sekolah bantuan kerajaan.

Menurut Musa, cadangan itu akan dikemukakan kepada Murad yang mengetuai jawatankuasa bebas berkenaan yang diumumkan penubuhannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa taklimat Presiden UMNO mengenai isu SAR, awal tahun ini.